

01 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Laporan)

SAKSI NAFI SERAH LAPORAN KEDUA KEPADA ANWAR

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Bekas Timbalan Pengarah II Cawangan Khas Datuk Amir Junus hari ini menafikan bahawa beliau menyerahkan laporan kedua berhubung salah laku seksual Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada bekas timbalan perdana menteri itu.

Amir memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa beliau tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai laporan bertarikh 3 Sept 1997 yang didakwa oleh pihak pembela telah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada 9 Nov lepas iaitu pada hari ketujuh perbicaraan kes itu, mahkamah diberitahu oleh pihak pendakwa yang diketuai oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail bahawa laporan itu tidak wujud.

Laporan itu didakwa mengandungi nama-nama personaliti yang berkomplot untuk menjatuhkan Anwar.

Anwar, 51, menghadapi empat pertuduhan rasuah kerana menggunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Amir, yang juga saksi ke-11, berkata demikian ketika disoal balas oleh peguam Anwar, Christopher Fernando pada hari ke-17 perbicaraan kes rasuah bekas menteri kewangan itu.

Beliau juga menolak saranan Fernando bahawa beliau berbohong ketika mengatakan tidak mempunyai pengetahuan mengenai laporan itu.

Bagaimanapun, mahkamah tidak membenarkan Fernando menyoal Amir mengenai kandungan laporan itu.

-- BERNAMA

SBB NAK